

JKDM Pulau Pinang rampas mercun RM1 juta

Butterworth: Jabatan Kasam Diraja Malaysia (JKDM) Pulau Pinang menumpaskan sindiket penyeludupan mercun dan bunga api tanpa permit ketika mengadakan serbuan di sebuah gudang dekat Kawasan Perindustrian Nagasari, Perai, di sini, pada 11 dan 12 Mac lalu.

Serbuan dijalankan Unit Operasi, Bahagian Penguatkuasaan negeri itu memenuhi tujuh kontena sebelum pemeriksaan lanjut menemui 1,332 karton mercun dan bunga api pelbagai je-

nama anggaran berjumlah hampir RM1 juta termasuk cukai.

Pengarah Kastam negeri, Rohaizad Ali berkata, siasatan mendapati semua mercun dan bunga api itu tidak mematuhi spesifikasi dan garis panduan ditetapkan dalam permit import (AP) yang dikeluarkan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Susulan itu, mercun dan bunga api bernilai RM360,767.50 dengan cukai

RM599,189.63 disita untuk tindakan lanjut.

"Kita turut menahan seorang lelaki berusia lingkungan 60-an bagi membantut siasatan," katanya pada sidang media di Stor Penguatkuasaan JKDM negeri di Bagin Jermal, di sini, semalam.

Beliau berkata, mercun dan bunga api yang dirampas dipercayai untuk dijual sempena Aidilfitri dengan menjadikan gudang tempat menyimpan bekalan.

"Kita masih meniasat pe-

ranan lelaki yang ditahan dalam serbuan itu untuk mengetahui kaitannya dengan sindiket ini.

"Diingat bahawa mercun dan bunga api adalah barang larangan yang mana pengimportannya dibenarkan dengan syarat mempunyai lesen import di bawah Butiran 46, Bahagian 1, Jadual Ketiga Perintah Larangan (Larangan Mengenai Import 2023," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 135 (1) (d) Akta Kas-tam 1967.

